

Lai Kwan bantu UPM raih 3 emas

Oleh **TAN MING WAI**

tan.mingwai@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Bekas perenang wanita negara, Chui Lai Kwan masih mahu mewakili Malaysia pada Sukan SEA Myanmar tahun depan, namun faktor masa mungkin menghalang dia untuk membuat penampilan kelima pada temasya sukan dwi tahunan itu.

Lai Kwan, 21, yang meninggalkan skuad kebangsaan tahun lalu berkata, peluangnya untuk ke temasya tersebut adalah 50-50.

Menurutnya, ini kerana dia lebih mengutamakan pengajiannya pada tahun kedua terakhir dalam jurusan Sains dan Teknologi Pemakanan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kalau berkesempatan memanglah saya mahu beraksi pada Sukan SEA.

"Tetapi tahun depan sangat mustahak untuk pengajian saya. Saya perlu menjalani latihan praktikal selama enam bulan bermula Februari, jadi tidak pasti apakah masa mengizinkan... peluangnya saya rasa 50-50," ujar Lai Kwan.

Semalam, pemegang tiga rekod kebangsaan itu membantu UPM menggondol tiga dari-pada 10 emas yang dipertandingkan pada hari pembukaan acara renang Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) dipertandingan di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Seperti diduga, Lai Kwan mudah mengatasi pencabar-pencabarnya untuk mengungguli acara 200m kuak lentang, 400m rampaian individu dan 800m gaya bebas.

Lai Kwan mungkin menambah sembilan emas lagi untuk kontinjennya pada baki tiga hari akan datang.



Sukan Institusi Pengajian Tinggi



KEDUDUKAN

| UiTM | 19 | 5 | 11 |
|---------|----|---|----|
| UTHM | 6 | 5 | 0 |
| KK SBH | 6 | 0 | 1 |
| UPSI | 4 | 4 | 4 |
| UUM | 4 | 3 | 4 |
| UPNM | 4 | 2 | 4 |
| UKM | 4 | 2 | 2 |
| UTM | 3 | 5 | 3 |
| IUM | 2 | 3 | 4 |
| HELP | 2 | 3 | 2 |
| KK PHG | 2 | 3 | 1 |
| UMS | 2 | 1 | 2 |
| UPM | 2 | 0 | 2 |
| UniKL | 2 | 0 | 0 |
| PUO | 1 | 4 | 7 |
| KK SEL | 1 | 2 | 0 |
| UTAR | 1 | 2 | 0 |
| UM | 1 | 1 | 1 |
| USM | 1 | 1 | 1 |
| PSMZA | 1 | 0 | 3 |
| USIM | 1 | 0 | 1 |
| Nilai U | 1 | 0 | 0 |

JADUAL (HARI INI)

- 9 pagi:** Renang (Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil)
- 9 pagi:** Bola Tampar (Dewan MBSA)
- 9 pagi:** Memanah (Stadium UPM)
- 10 pagi:** Menembak (Lapang Sasar Kebangsaan, Subang)
- 9 pagi:** Taekwondo (Stadium Tertutup USIM, Nilai)



CHUI Lai Kwan (kanan) dan pemenang dua pingat emas acara renang pada SUKIPT, Ian Leondy Bell dari USM bersama pingat masing-masing di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, semalam.